

## **PENDIDIKAN BUKAN FORMAL (PBF) DI MALAYSIA: CABARAN DAN HALA TUJU WAWASAN 2020**

**Mohd. Azhar Abd. Hamid  
Muhammed Fauzi Othman  
Zainudin Hassan  
Othman A. Kassim**

Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia  
Universiti Teknologi Malaysia

### ***Abstrak***

*Pendidikan Bukan Formal (PBF) adalah pelengkap kepada pendidikan formal dan tidak formal. Justeru itu, ia amat penting dan bermakna kepada pembangunan manusia secara menyeluruh; selain membantu dalam proses pembangunan sesebuah negara. Pendidikan Bukan Formal amat penting kepada sesebuah negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia. Oleh yang demikian, pendidikan seumpama ini secara langsung atau tidak langsung mampu membangunkan literasi masyarakat dalam pelbagai disiplin ilmu seperti teknologi maklumat, pengurusan, kemanusiaan dan kemasyarakatan, keusahawanan, kenegaraan dan sebagainya. Pengayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan amat penting dalam membina masyarakat yang berilmu dan bertamadun. Tentu sekali, dalam konteks Malaysia ia dapat dicapai menerusi minat dan ketekunan masyarakat dan galakan yang diberikan oleh pelbagai pihak termasuk kerajaan untuk belajar terus menerus sepanjang hayat. Justeru itu, kertas kerja ini akan memerihalkan bagaimana Pendidikan Bukan Formal boleh menjadi katalis kepada Pendidikan Sepanjang Hayat di Malaysia. Secara konseptual, kertas kerja ini akan dimulai dengan definisi konsep, jenis dan bentuk Pendidikan Bukan Formal. Selanjutnya, kertas kerja ini akan menjelaskan tentang faktor penarik dan penolak yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap penglibatan masyarakat dan peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan mahu pun swasta. Paling penting, Pendidikan Bukan Formal ini akan disorot dalam pelbagai perspektif seperti pelan perancangan dan pembangunan negara, modenisasi dan pembangunan sosioekonomi. Selain itu, kertas kerja ini turut mengupas isu permasalahan yang timbul dalam perancangan dan pelaksanaan Pendidikan Bukan Formal Di Malaysia. Akhirnya, kertas kerja ini akan merumuskan akan harapan dan cabaran Wawasan 2020 dan Pendidikan Bukan Formal di Malaysia.*

**Kata kunci:** *Pendidikan Bukan Formal, Pendidikan Sepanjang Hayat, Pembangunan Malaysia*

### **1.0 PENGENALAN**

Idea Pendidikan Bukan Formal (PBF) menjadi topik penting pada awal tahun 1960-an dan 1970-an (Tight, 1996). Bagaimana pun PBF masih relevan dan penting dalam

senario pendidikan pada alaf baru ini. Menurut Coombs (1985), PBF sangat penting kepada negara sedang membangun seperti Msalaysia, Pakistan dan Indonesia. Hal ini kerana Pendidikan Bukan Formal (PBF) adalah pelengkap kepada pendidikan formal. Konsep pembelajaran sepanjang hayat (life long learning) telah menjadikan PBF semakin penting dan diberi perhatian oleh sama ada individu, organisasi mahu pun pemerintah. Pendidikan formal perlu ditampung oleh keperluan PBF bagi melahirkan pekerja dan masyarakat yang berpengetahuan (knowledge society). Cabaran-cabaran pada era globalisasi ini merangkumi keseluruhan daripada dimensi hidup manusia iaitu ekonomi, politik dan sosial. Malah lebih penting lagi adalah cabaran terhadap nilai-nilai spiritual dan budaya manusia. Inilah abad kapitalisme (the Age of capitalism) yang menginstitusikan *the educated person* dan *knowledge society* sebagai teras pemabangunan individu, masyarakat dan negara secara keseluruhannya (Drucker, 2003). Ringkasnya pengetahuan merupakan teras aktiviti ekonomi, politik dan sosial.

### 1.1 Konsep Pendidikan Bukan Formal

PBF atau *non-formal education* bukanlah suatu konsep yang baru. Telah banyak dibicarakan malah tidak sedikit kajian yang dijalankan tentangnya. Terdapat pelbagai istilah yang bersinonim dengan PBF ini seperti “*out of school education*”, “*The shadow school system*”, “*The educational complex*”, “*learning networks*” dan “*Nonconventional education*” (Colleta dan Holsinger, 1982)

Menurut John Simmons PBF merujuk kepada “*educational activities that occur outside the school, such as adult literacy courses and agricultural extension services*”. Manakala Colleta dan Holsinger (1982) mentakrifkan pendidikan non-formal sebagai “*...non formal education is like formal in the deliberate and systematic transmission of knowledge, attitudes and skills, except the stress is on skills*”. Manakala Tight (1996) mendefinisikan PBF sebagai;

“*...any organized, systematic, educational activity, carried on outside the framework of the formal system, to provide selected types of learning to particular subgroups in the population, adults as well as children. Thus defined nonformal education includes, for example, agrucultural extension and farmer training programmes, adult literacy programmes, occupational skill training given outside the formal system, youth clubs with substantial educational purposes and various community programmes of intruction in health, utrition, family planning, cooperatives, and the like*”.

Secara umumnya, menurut Carton, M (1985), PBF ialah segala bentuk aktiviti pendidikan yang tersusun dan sistematik untuk sesuatu golongan berdasarkan keperluan dan aspirasi mereka. Ciri-ciri lain pendidikan non-formal ialah;

- (i) Para pesertanya tidak terbatas kepada golongan muda, dewasa atau golongan tua. Namun demikian, ia tertumpu kepada mana-mana golongan tertentu dengan matlamat dan objektif tertentu.
- (ii) Ia dijalankan atau diorganisasikan oleh sesuatu pihak atau agensi.
- (iii) Suasana pembelajaran adalah formal iaitu ada kurikulum yang berstruktur dan formal serta ada infrastruktur seperti bilik darjah dan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan pengajaran.

- (iv) Ada organisasi pentadbiran dan pengendalian yang kemas berserta sumber-sumber sokongan seperti sumber kewangan dan sumber tenaga pengajar.
- (v) Ia kadangkala mempunyai sistem penilaian atau peperiksaan tertentu dan juga ada penganugerahan sijil bagi mengesahkan penyertaan dan pencapaian.

Contoh PBF atau pendidikan luar persekolahan biasa atau tempoh persekolahan ialah: Kelas agama di surau dan masjid, pengajian luar kampus dan kursus separuh masa untuk golongan dewasa yang berkerja.

### **1.1 Jenis-jenis Pendidikan Bukan Formal (PBF)**

Jenis-jenis PBF ialah pendidikan berterusan (continuing education), pendidikan lanjutan (further education), pendidikan dewasa (adult education) dan pendidikan berulang (recurrent education)

#### **1.1.1 Pendidikan Berterusan**

Secara amnya boleh ditakrifkan sebagai pendidikan yang memberi tumpuan kepada individu(kanak-kanak, remaja, dewasa) yang sudah kenal huruf dan sudah memperolehi kemahiran asas (Sufean dan Abd. Rahim, 1988) Ini bermakna individu buta huruf tidak tergolong sebagai peserta dalam pendidikan berterusan. Menurut Jarvis (1983), pendidikan berterusan adalah pendidikan bersifat lepas tempoh persekolahan(post-initial education).

#### **1.1.2 Pendidikan Lanjutan**

Pendidikan untuk golongan yang sudah kenal huruf dan sudah melalui pendidikan wajib. Pendidikan wajib dalam konteks Malaysia ialah pendidikan sekolah rendah iaitu semua kanak-kanak wajib mengikutinya seperti yang diperuntukkan oleh Akta Pelajaran 1961. Dalam tahun 1950-an hingga akhir 1970-an pendidikan jenis ini diadakan melalui Sekolah Lanjutan Kampung bagi menampung kanak-kanak yang lebih umur dan tercicir daripada persekolahan formal. Sekolah Lanjutan Kampung menyediakan pelajaran akademik untuk persediaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Persekolahan Malaysia(SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Kursus vokasional yang diadakan di sekolah Lanjutan Kampung ialah pelajaran perdagangan, teknik dan pelajaran khas untuk orang pekak (LJKMPDP, 1979) dlm Sufean dan Abd. Rahim (1988; 56).

#### **1.1.3 Pendidikan Dewasa**

Pendidikan yang bersifat liberal atau terbuka yang diadakan di waktu kelapangan yang seseorang dewasa boleh memperbaiki dan meluaskan pengetahuan, kemahiran atau hobinya. Coles (1972) dlm Ibrahim (1992; 78) mentakrifkan pendidikan dewasa sebagai pendidikan untuk orang dewasa lelaki dan perempuan bagi memenuhi keperluan dan minat yang pelbagai menurut tahap kebolehan dan kefahaman dan bagi mengisi perubahan peranan dan tanggungjawab dalam kehidupan. Dalam konteks Malaysia, pada tahun 1960-an pendidikan dewasa mempunyai objektif utama untuk

membasmi buta huruf di kalangan kaum dewasa, khususnya mereka di kawasan luar bandar.

#### **1.1.4 Pendidikan Berulang**

Pendidikan bertempoh-tempoh untuk golongan dewasa yang sedang berkerja. Seseorang pekerja berhenti kerja buat sementara waktu untuk mengikuti kursus selama dua hingga empat tahun. Selepas itu, ia menyambung kerjanya semula di situ atau di tempat lain. Pendidikan ini jenis ini diadakan disebabkan oleh perubahan pembangunan teknologi dan industri dalam sektor ekonomi. Pengalaman pembelajaran dalam pendidikan berulang adalah seperti formal tetapi memberi tumpuan terhadap peningkatan kemahiran ikhtisas atau vokasional. Antara beberapa contoh pendidikan jenis ini adalah;

- (i)     *“Hands on Training”*
- (ii)    *“On Job Training”*
- (iii)   *“In House Training”*
- (iv)    *“External Training”*

### **1.2 Bentuk-Bentuk Pendidikan Bukan Formal**

PBF meliputi dialog, simposium, seminar, bengkel, kursus jangka pendek, kursus dalam perkhidmatan, kursus tanpa sijil dan kursus dalam cuti, mengikut kumpulan sasaran (Mazanah, 1999). Misalnya jika kumpulan sasaran adalah petani dan nelayan, maka pendidikan bukan formal berbentuk kursus jangka pendek dan bengkel. Secara amnya, kursus-kursus pendidikan non-formal adalah bercorak praktikal, vokasional spesifik dan relevan untuk tujuan sesuatu kumpulan sasaran dan untuk suatu maksud dan tujuan. Oleh itu, program dan kursus adalah pelbagai. Antara bentuk-bentuk pendidikan non-formal yang ada di Malaysia masa kini boleh dikategorikan seperti berikut;

#### **a. Pendidikan Am**

1. Bahasa dan kebudayaan
2. Industri Kecil - Kampung
3. Pengurusan Rumah tangga
4. Komunikasi dan kepimpinan
5. Pembangunan diri
6. Pembangunan organisasi
7. Pembangunan organisasi
8. Penulisan dan kewartawanan
9. Alkam sekitar

#### **b. Pendidikan Vokasional, Teknik dan Perdagangan**

1. Pertanian
2. Pertukangan
3. Kraftangan
4. Perikanan

5. Motor mekanik
6. Kawalan kualiti
7. Komputer
8. Kemahiran mengurusa
9. Penyelenggaraan Jentera

### **c. Pendidikan Sivik dan Sosial**

10. Kesihatan
11. Perkhidmatan pelanggan
12. Kemasyarakatan
13. Politik
14. Perniagaan dan keusahawanan
15. Keagamaan dan etika
16. Undang-undang

## **2.0 Dimensi Pendidikan Bukan Formal Mutakhir di Malaysia**

PBF di Malaysia dikendalikan oleh berbagai-bagi institusi dan pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan. *Lampiran 1*, menunjukkan jenis-jenis program PBF yang dijalankan oleh berbagai-bagi agensi di negara ini. Selain daripada agensi-agensi seperti didalam *lampiran 1*, boleh dikatakan setiap badan dan institusi besar mempunyai pusat-pusat latihan khusus untuk memenuhi kehendak-kehendak sendiri, tanpa mengambilkira badan-badan atau institusi-institusi lain.

Sudah tentulah dengan begitu banyak institusi yang mempunyai program PBF, matlamat dan orientasinya akan berbeza antara satu dengan yang lain. Mengikut Kementerian Pelajaran (1981) PBF di Malaysia mempunyai lima objektif;

- (i) Untuk menimbulkan kesedaran akan perubahan-perubahan yang berlaku dalam alam sekitar yang akan membawa perubahan dalam masyarakat.
- (ii) Menyediakan golongan belia untuk aktiviti-aktiviti pengeluaran dengan memberi mereka kursus-kursus yang berkaitan yang boleh membaiki diri mereka.
- (iii) Menyediakan golongan belia untuk mengambil bahagian dan melibatkan diri dalam perdagangan dan perusahaan.
- (iv) Mendidik dan menanam semangat yang sesuai bagi perkembangan peribadi, sosial dan masyarakat.
- (v) Membina satu masyarakat demokratik berasaskan prinsip-prinsip Rukunegara.

## **2.2 Faktor-faktor Pertumbuhan dan perkembangan Pendidikan Bukan Formal**

Selain itu, antara faktor-faktor ‘insitu’ pendidikan bukan formal ini semakin penting dan berkembang dengan subur di Malaysia adalah disebabkan oleh elemen-elemen dibawah;

### **2.2.1 Pendidikan Massa dan Mobiliti sosial**

Dewasa ini, pendidikan merupakan wahana atau alat penting kepada individu dan masyarakat bagi meningkatkan mobiliti sosial masing-masing. Berbeza sama sekali pada zaman pra sejarah, zaman feudal dan pasca-feudal yang mana mobiliti sosial ditandai oleh bangsa, ras, keturunan dan status sosial yang dimiliki. Hal semacam ini menggambarkan susana dan latarbelakang '*feudalisme*' dan '*early capitalism*' samada di negara-negara mundur seperti India maupun negara maju seperti Britain. Pendidikan suatu masa dahulu bersifat '*prestigious*' dan elitis telah berubah arah kepada berbentuk massa. Pendidikan bukan lagi 'lambang' bagi kelas dan golongan tertentu seperti mana yang berlaku di Tanah Melayu pada awal tahun 1920-an hingga terungkapnya Penyata Razak pada 1961. Ironinya, pendidikan telah menjadi alat penting selepas peristiwa 13 Mei 1969 dan Dasar Ekonomi Baru 1970; selepas daripada peristiwa penting ini pendidikan telah berubah wajah dan corak kepada berbentuk massa. Dan hari ini, menjelang alaf baru pendidikan sudah semacam satu keperluan dan tidak terelakkan kepada setiap individu masyarakat tanpa mengira kaum, stratifikasi sosial, Demografi dan sebagainya. Menurut John Simmons (1983);

*"Expanding free adult literacy and primary education would enhance the social mobility of the poor. The transformation of systems of elite education, which trained only a small proportion of the school age population, to systems of mass education was to fulfillment of a preindependence promise to parents"*

Pendidikan dengan pelbagai sistem, bentuk, corak, dasar, falsafah dan amalan telah membawa paradigma yang tidak terbatas kepada ruang, masa dan tempat. Dan ia sesuai dengan sifat pendidikan itu yang bersifat telus dan dinamik. Malah sejak kebelakang ini pendidikan sudah melepassi garis sempadan dan wilayah. Muncul paradigma baru pendidikan yang lebih bercorak massa, komersial, global dan berpanjangan sifatnya sesuai dengan istilah '*pendidikan sepanjang hayat*' (*life long education*). Tidak ada lagi halangan dan bayangan '*elitis*' dalam pendidikan; bermakna peluang dan ruang merata kepada setiap ahli masyarakat. Cuma yang menggerakkan upaya dan kehendak individu untuk terus dididik dan terdidik adalah usaha dan kesungguhan yang bukan sedikit. Sukar sekali menempatkan diri dalam hiraerki sosial yang menegak maupun mendatar andai kurangnya atau tidak ada motivasi dalaman yang menggerakkannya.

Hari ini, pendidikan terbuka luas; malah PBF semacam memberikan jalan dan peluang kepada sesiapa juga yang ingin berjaya. PBF menyediakan pelbagai program dan kemahiran yang boleh dieksloitasi secara maksimum.

### **2.2.2 Pendidikan Formal dan Pendidikan Bukan Formal: "The Need of Motor & Generic skills"**

Cuba kita fikirkan sejenak apakah yang ada pada sistem pendidikan formal kita. Kebanyakan kita menyifatkan pendidikan formal sebagai kilang yang bahan keluarannya ialah manusia. Masyarakat menghantar anak-anak ke sekolah untuk mendapat pendidikan dengan harapan apabila tamat persekolahan membolehkan mereka mendapat kerja. Menurut Figerlind dan Saha (1983);

*“...in some developing countries it has been argued that schooling has trained students for the wrong kinds of jobs and created a skilled workforce inappropriate to the demands of a third world labor market..”*

Pada asasnya sistem pendidikan formal tidak mengandungi pengetahuan pengajaran kemahiran, pelajaran berkomunikasi dan pendidikan moral. Selepas 9 hingga 11 tahun bersekolah mereka akan memasuki dunia pekerjaan, masalahnya apa yang ada di luar tidak sama apa yang dipelajari di sekolah. Menurut Shamsuddin (1993);

*“...banyak anak-anak kita, yang lulus SRP ataupun SPM tidak semuanya berkerja dengan kerajaan. Peluang swasta untuk mereka pula dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Industri ini kebanyakannya bukan milik Melayu. Mereka ada kaedah mereka sendiri. Mereka lebih gemar pelatih...beri makan minum dan sedikit elau. Misalnya menyediakan bengkel. Mereka ambil pelatih ini daripada budak-budak kaum mereka yang rajin, tidak kira lulus SPM atau SRP. Satu lagi contoh ialah bidang binaan. Budak-budak kita ini ada sijil dan ada latihan sekolah Vokasional. Tetapi tukang simen, tukang batu dari Indonesia lebih murah...mereka lebih inovatif, mereka berfikir. Kalau kerja tukang murah sangat, mereka berusaha jadi tauke secara berdikit-dikit - kutip besi buruk, kutip akhbar buruk, kutip botol buruk... ”tetapi budak kita ini semua tidak ada. Boleh jadi ini semua tidak ada dalam sistem pendidikan formal kita”*

Sehubungan itu, kurikulum bagi membina “generic skills” harus diberi penekanan samada dalam pendidikan formal maupun dalam pendidikan bukan formal. Selain itu penekanan juga haruslah diberikan kepada perubahan sikap, pembinaan kualiti personal dan kepimpinan, sikap terhadap tugas, kerja dan tanggungjawab, kesedaran dan motivasi untuk membangun dan mencapai tujuan. Selain itu, program PBF berbentuk teknikal dan vokasional harus mendapat tempat yang sewajarnya pada masa kini. Dasar pendidikan seperti ini selaras dengan matlamat perindustrian negara, khususnya bagi mempertingkatkan pengeluaran dan menyediakan lebih banyak tenaga mahir, tenaga juruteknik dan juga tenaga sokongan dalam sektor perusahaan dan perindustrian. John Simmons (1983) menegaskan bahawa;

*“...formal education are not as efficient a technology as had been hoped. Therefore, it is important to explore other learning methods, such as apprenticeship systems, integration of schooling and working, and improved parent-child interaction which may be more appropriate to a country’s problems of human development....The use of appropriate technologies reduces a nation’s dependence on imported repairmen and spare parts. With more appropriate technology, vocational skills could be accessible to virtually anyone with curiosity, motivation, and basic psychomotor skills, rather than left to the domain of a few experts”*

### **2.2.3 Masalah Keciciran (drop out) dan kemiskinan**

Masalah keciciran berkait langsung dengan soal kemiskinan. Keciciran lazimnya berlaku di kalangan pelajar dari golongan yang miskin, khususnya di luar bandar. Dalam pendidikan formal pelajar yang ‘keciciran’ tidak akan berpeluang untuk meneruskan pendidikan akademik hingga ke tahap yang paling tinggi. Hal ini kerana ruang dan peluang untuk mereka melalui jalan ‘akademik’ ini boleh dikatakan tertutup. Justeru itu, PBF adalah jalan terbaik untuk pelajar yang ‘istimewa’ ini untuk mengembangkan bakat dan kemahiran yang dimiliki.

### 2.2.3 Keciciran

Kira-kira 30% daripada jumlah 300,000 pelajar yang menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) setiap tahun yang dinaikkan ke tingkatan empat adalah terdiri daripada pelajar yang lemah dari segi pencapaian akademik mereka. Pelajar ini juga dikira akan menghadapi kesulitan bagi mengembangkan potensi dan kemahiran tertentu yang perlu dicapai berdasarkan spesifikasi kurikulum Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dengan pelbagai kelemahan yang dihadapi oleh para pelajar dalam kategori ini seperti ketidaklancaran dan tidak boleh membaca, daya intelektual yang rendah, serta kurang kemahiran dan motivasi belajar, mereka dijangka akan menemui kegagalan yang tinggi dalam sistem pendidikan yang wujud sekarang. (Rahim, 1997)

Selaras dengan wawasan sosial pembinaan masa depan belia, golongan pelajar yang tercincir (drop out) di bawah umur ini perlu diberi peluang kedua dan seterusnya untuk mempelajari sesuatu atau diberi latihan untuk membolehkan mereka membina harapan untuk ‘survival’ dalam dunia pekerjaan. Langkah ini sekurang-kurangnya dapat mengatasi masalah sosial yang begitu kronik di samping mengatasi masalah pengangguran yang semakin ketara, khususnya bagi golongan seperti ini.

Dalam pada itu, menurut Muhd. Izhar (1997), berdasarkan bancian penduduk 1980 jelas menunjukkan seramai 43,000 kanak-kanak berumur 10 hingga 14 tahun bekerja, sementara tinjauan dalam tahun 1993 mendapati angka tersebut meningkat kepada 75,000 kes. Kebanyakan mereka terlibat dalam sektor perladangan, pertanian, perkhidmatan komersial, pengeluaran dan pembantu rumah. Berdasarkan tinjauan tersebut mendapati mereka ini terdiri daripada kanak-kanak yang tidak pernah bersekolah atau menamatkan persekolahan setakat peringkat rendah.

Selain itu, MASSA (1997) dalam keluaran Mac(minggu ketiga) melaporkan sejumlah 83,957 murid sekolah rendah di seluruh negara dikenalpasti sebagai murid yang menghadapi masalah pembelajaran atau “*slow learner*” yang mengikuti pembelajaran di 3,260 sekoalah sepanjang tahun lalu. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian pendidikan, daripada jumlah sekolah berkenaan hanya 2,194 sekolah mempunyai bilik khas untuk menempatkan murid ‘istimewa’ ini, sementara selebihnya menggunakan hadangan dalam kelas biasa. Statistik itu adalah keseluruhan murid dari tahun satu hingga tahun enam dengan Johor mencatatkan jumlah terbesar iaitu 15,166 diikuti Kelantan dan Perak yang masing-masing mempunyai murid seramai 9,984 dan 9,820. Dan pada hemat saya, majoriti daripada mereka ini adalah pelajar-pelajar Melayu. Sesungguhnya, data ini memeberitahu kita bahawa jika satu pendekatan tidak diambil bagi golongan pelajar seperti ini, maka sudah pasti “survival” mereka akan mencabar pada tahun 2020 kelak. Pada masa, itu lah golongan pelajar ini merupakan sebahagian daripada statistik guna tenaga negara. Mudah sekali mengkategorikan mereka dalam bidang guna tenaga berdasarkan keupayaan ‘akademik’ yang begitu lemah , lembab dan lembam.

#### **2.2.4 Kemiskinan**

Masalah kemiskinan merupakan agenda penting yang harus diberi perhatian wajar oleh kerajaan. Umumnya kadar kemiskinan semakin menurun 17.1%(1990), 9.6%(1995) dan 6.0%(2000). Namun yang nyata kemiskinan ini majoritinya adalah kaum Melayu khususnya yang tinggal di luar bandar. Statistik menunjukkan bahawa kemiskinan di luar bandar dalam tempoh 10 tahun tersebut adalah 21.8%(1990), 16.1%(1995) dan 11.0%(2000), berbanding dengan kemiskinan di bandar iaitu 7.5%(1990), 4.1%(1995) dan 2.4%(2000). Ketidak seimbangan ini bukan sekadar wujud antara kaum dan kawasan, malah merangkumi kewilayahannya(Laporan RM 7, 1997). Masalah kemiskinan yang melanda masyarakat melayu yang disitihahkan sebagai ‘putaran ganas kemiskinan’ oleh Prof. DiRaja Ungku Azizi meliputi faktor-faktor sosiobudaya seperti sikap, tiada motivasi kerja, mudah berpuashati, terlalu mengharap bantuan, tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai dorongan kejayaan. Selain daripada itu, faktor-faktor ekonomi seperti daya pengeluaran yang rendah, kekurangan modal dan teknologi serta hak milik tanah turut menambahkan lagi kadar kemiskinan ini khususnya di luar bandar; selain daripada peranan politik yang tidak banyak membantu golongan ini.(Husain, 1997).

#### **2.4 PBF dan Cabaran Ekonomi Luar Bandar**

Kawasan luar bandar masih lagi dicengkam dab di uliti kemiskinan. Keadaan yang agak ketara khususnya di kalangan masyarakat Melayu dewasa ini perlu diberi perhatian wajar oleh institusi dan agensi PBF. Lebih-lebih lagi, sejak kebelakangan ini kerajaan telah menyerahkan hak milik tanah kepada peneroka felda di hampir seluruh negara. Akibat daripada tidak berpengetahuan dan nafsu ingin cepat menjadi ‘Jutawan segera’ mereka sanggup menggadaikan tanah semata-mata kerana inginkan kesenangan jangka pendek. Lebih malang lagi ada kecenderungan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dan menangguk di air keruh. Sehubungan itu, pihak-pihak yang terlibat, khususnya yang bertanggungjawab dalam memberikan khidmat nasihat dan bimbingan perlu ke depan untuk sama-sama membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar ini. Antara langkah-langkah yang boleh diambil adalah;

- (i) Meningkatkan aras pendidikan minimum dan menyemai konsep pendidikan seumur hidup.
- (ii) Mengasaskan penggunaan teknologi moden, khususnya dari aspek menyebarkan kesedaran mengenai kepentingan teknologi baru dari segi pengurusan dan pengeluaran
- (iii) Memperluaskan penggunaan teknologi maklumat.
- (iv) Membantu mengubah pergantungan ekonomi masyarakat luar bandar kepada kepada berteraskan aktiviti pengeluaran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi.
- (v) Menyelia dan mempertingkatkan sokongan dan kemudahan infra struktur.
- (vi) Membantu membangunkan sumber yang optimum dan efisien seperti yang ditentukan oleh kuasa pasaran dan;
- (vii) Merangsang ‘anjakan paradigma’ dengan tujuan membentuk nilai baru dan mengekalkan nilai-nilai tradisi yang positif.

Pada hemat kami, kekangan dan halangan-halangan di atas cukup membuktikan kerelevan peranan yang harus dimainkan oleh pendidikan bukan formal. Peranannya bukan sekadar memberi input yang bersifat teori dan ilmiah tetapi lebih menekankan kepada input yang bercorak '*psikocultural*' dan '*generic skills*'

## 2.5 Pengangguran dan Tenaga Buruh Asing

Meskipun pencapaian ekonomi negara begitu membanggakan; sepuluh tahun berlalu Malaysia masih dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada kadar lebih kurang 8.5%. tetapi masalah besar yang kita hadapi sekarang adalah, apakah kita boleh mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan tahun-tahun mendatang dengan bergantung kepada tenaga kerja rakyat asing semata-mata.( Massa, 1997)

Kita berbangga dengan kadar pertumbuhan tenaga buruh dan guna tenaga penuh tahunan bagi tahun 1991 dan 1995 meningkat masing-masing pada purata 2.7% dan 3.25% Kadar pengangguran dalam tempoh tersebut pula kekal rendah sekitar 3%. Sungguhpun begitu, kadar bekalan tenaga buruh yang dikatakan ketinggalan daripada kadar peningkatan pekerjaan hanya dapat di atasi melalui peningkitan tenaga buruh tempatan dalam pasaran buruh. Kadar penyertaan tenaga buruh didapati masih lagi rendah iaitu sekitar 66.7% dalam tempoh 1991-1995 dan sebahagian besarnya dikatakan berpunca daripada kurangnya penyertaan daripada kaum wanita.

Mengikut seks pula kadar penyertaan tenaga buruh bagi lelaki telah meningkat daripada 86.3% kepada 86.8%. di samping itu kadar penyertaan tenaga buruh wanita meningkat daripada 45.8% (1990) kepada 47.1% (1995). Dalam tempoh rancangan Malaysia ke & kadar ini akan menjangkau ke angka 47.5%. Satu kajian telah dibuat dalam tahun 1993 untuk mengesani mereka yang berada di luar pasaran buruh dan mendapati bahawa ketika itu 61.6% adalah suri rumah tangga. Di kalangan wanita ialah 77.5%. Bagi kawasan luar bandar bahagiannya yang tinggi sedikit iaitu 78.5%. Yang lain terdiri daripada mereka yang sedang bersekolah 28.3%, pesara 3.5% dan cacat 2.1%. Manakala sebahagian kecil terdiri daripada mereka yang tidak minat berkerja, melanjutkan pelajaran dan lain-lain. Kajian yang sama menunjukkan bahawa daripada sejumlah orang lelaki yang berada di luar pasaran buruh, 14% terdiri daripada mereka yang dalam persaraan.( Alias, 1996)

Akibat rendahnya kadar pertumbuhan tenaga manusia dengan diikuti pula dengan tingginya nisbah mereka yang berada di luar pasaran tenaga manusia menjadikan kedudukan permintaan dan penawaran sudah tidak seimbang lagi. Defisit tenaga manusia diimbangi oleh pengambilan tenaga kerja asing.

Pergantungan terus kepada sumber luar negara untuk menampung defisit tenaga manusia akan mendedahkan negara kepada pelbagai masalah sosial dan politik samada dalam jangka pendek atau jangka panjang. Hal ini diakui sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, semasa pembentangan Belanjawan Negara baru-baru ini. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat pendidikan non-formal dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dan menyeluruh untuk mengeksplorasi sumber tenaga kerja yang sedia ada di negara ini dengan cara;

- (i) Peningkatan produktiviti melalui latihan dan kemahiran.
- (ii) Penggalakkan sektor swasta dalam memberi latihan pembangunan sumber manusia.
- (iii) Menanam sikap disiplin dan nilai positif di kalangan pekerja tempatan.

- (iv) Menambah kecenderungan masyarakat terhadap program-program kemahiran dan teknikal.
- (v) Aspek latihan yang dirancang perlu memberi tumpuan bukan sahaja kepada aspek teknikal tetapi hendaklah juga menekankan aspek disiplin industri dan pekerjaan umumnya.

## **2.6 Meningkatkan Keilmuan dan Penggunaan Teknologi**

Abad ke 21 menurut futuris dan para sarjana ditandai dengan abad ‘keilmuan’. Ilmu menunjangi gelombang ketiga sepertimana menurut Peter F. Drucker, kenichi Ohmae, John Naisbaitt, Patrick Aburdene dan Ziaudin Sardar dan ramai lagi. Gelombang ketiga menampakkan pergantungan yang semakin bertambah kepada individu pintar, jentera pintar dan keluaran pintar. Melengkap istilah ‘pintar dalam keilmuan dan pekerjaan, Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Mahathir Mohammad telah mengilhamkan suatu persidangan yang dikenali sebagai ‘Dialog Antarabangsa Langkawi’ (Langkawi International Dialog) pada tahun 1995. Antara lain persidangan ini cuba memberi pendekatan dan paradigma keilmuan korperat antara syarikat-syarikat tempatan dan negara dunia ketiga dengan syarikat-syarikat multi-nasional seperti Rolls Royce. Paling tidak dengan wujudnya langkah seperti ini akan lebih membawa banyak ‘nilai tambah’(value added) kepada industri dan pelbagai sektor pekerjaan khususnya yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan tinggi. Kesannya sudah pasti akan memberi kelebihan kepada para pekerja tempatan menambahkan kepakaran dan kemahiran dalam bidang-bidang yang telah dinyatakan tadi.

Beliau berkeyakinan bahawa pembangunan ekonomi yang berasaskan ilmu tidak akan pupus, tetapi sumber ini sebaliknya akan silih berganti. Oleh sebab itu, ilmu yang menggantikan faktor pengeluaran lain, seperti tanah, buruh dan modal pada hakikatnya tidak terhad. Ringkasnya pekerja yang berkemahiran tinggi diperlukan dalam gelombang ketiga. Dengan itu, hanya pekerja yang berkemahiran tinggi akan terjamin kedudukannya dalam pasaran, manakala pekerja yang sebaliknya akan tersingkir.( Zulkifli, 1996)

Bagi menangani keilmuan dan penggunaan teknologi canggih khususnya terhadap pekerja mahir, kerajaan memperuntukkan RM90 juta di bawah RM 7 untuk membina sembilan lagi institusi Latihan kemahiran. Dan, bagi memenuhi keperluan terhadap bidang baru di peringkat lebih tinggi dan mengambil faedah daripada teknologi lanjutan di negara maju, Institut Latihan Kemahiran Lanjutan ditubuhkan dengan kerjasama Republik Persekutuan Jerman, perancis dan Jepun.

Dewasa ini PBF terbuka luas malah ia merupakan saluran kedua untuk kita mendapatkan sebarang ilmu dan kemahiran. Ini kerana pendidikan dan latihan tidak berakhir selepas tamat melalui sistem pendidikan formal, sebaliknya berlaku sepanjang hayat. Mengikut ramalan, kemahiran yang ada pada seseorang pekerja hanya mampu bertahan dalam tempoh satu dekad sebelum ia dianggap tidak sesuai lagi. Automasi dan rasionalisasi dalam proses pengeluaran melupuskan banyak kategori kemahiran dan pengkhususan sehingga timbul pandangan bahawa pandangan yang amat diperlukan oleh pekerja ialah kemahiran ‘generic’ yang merentasi pelbagai kemahiran dan situasi kerja. Situasi yang sering berubah memaksa seseorang pekerja meningkatkan kemahiran.

Bagi merealisasikan wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara industri yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, malaysia memerlukan tenaga pakar dan profesional dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi. Peranan ini bukan hanya terletak kepada pendidikan formal malah pendidikan non-formal harus sama-

sama meletakkan falsafah pembangunan yang sama seperti apa yang terdapat dalam sistem pendidikan formal. Kekurangan pakar dalam bidang sains dan teknologi merupakan masalah kritikal yang perlu diselesaikan segera. Untuk terus maju pada masa hadapan Malaysia tidak boleh bergantung kepada kepakaran asing terutama dalam bidang sains, teknologi dan bidang strategik yang lain. Pemindahan teknologi juga tidak akan berlaku dengan berkesan jika kita kekurangan tenaga pakar tempatan dalam bidang sains dan teknologi tidak di atasi sebelum menjelang 2020.

## 2.7 Agihan Tenaga Kerja dan Pasaran Guna Tenaga

Menurut Chek Mat (1996), penduduk Malaysia pada tahun 2000 dijangka mencapai 22.6 juta. Golongan yang berusia 15 hingga 64 tahun merupakan golongan terbesar dengan bilangan yang memasuki pasaran buruh melebihi 240,000 setahun. Petunjuk ini jelas membayangkan lebih banyak peluang pekerjaan dan latihan yang perlu disediakan untuk menampung pertambahan sumber tenaga manusia. PBF meliputi institusi latihan teknikal dan vokasional akan menghadapi oelbagai cabaran dalaman dan luaran untuk memenuhi kehendak tersebut; cabaran yang perlu diberi perhatian ialah;

- (i) Kemasukan teknologi baru yang perlu dikuasai dengan lebih cekap dan pantas. Perubahan teknologi canggih secara langsung membunuh '*sunset technology*'.
- (ii) Kos latihan bagi menghasilkan manusia bermaklumat dan berketrampilan menjadi semakin tinggi.
- (iii) Latihan berkualiti secara berkesinambungan akan menjadi agenda nasional dan tidak dapat lagi dikendalikan secara konvensional dan '*trendy*'.
- (iv) Perlunya penyertaan secara besar-besaran ke arah '*multi skilling*'.

Ketegaran pasaran buruh dijangka berterusan selaras pertumbuhan ketara ekonomi negara. Dalam tahun ini, kadar kadar perkembangan dalam peluang pekerjaan melebihi kadar pertumbuhan dalam penawaran tenaga buruh. Berdasarkan jangkaan pertumbuhan guna tenaga pada kadar 3.4%, sejumlah 265,000 peluang pekerjaan dapat diwujudkan berbanding 312,00 pada 1995, menurut laporan Ekonomi 1996/97. Kadar pertumbuhan tenaga buruh bagaimanapun lebih rendah, iaitu 3.2%(3.3%) pada tahun 1995. Manakala jumlah pencari kerja berdaftar dengan Jabatan Buruh, Kementerian sumber manusia sehingga akhir Julai lalu ialah 24,070 berbanding 23,329 dalam tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah guna tenaga dalam tahun 1997 dijangka mencapai 8.2 juta, sktor sekunder dan ketiga dijangka menjadi penyumbang utama.

Peratus guna tenaga dalam sektor utama, termasuklah pertanian, perhutanan dan perikanan serta perlombongan daripada jumlah keseluruhan guna tenaga dijangka terus merosot kepada 16.8%. Mencerminkan prestasi ekonomi yang kukuh, sektor perkhidmatan dijangka menyumbang 47.1% daripada jumlah guna tenaga dalam tahun 1997. Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta sektor pengangkutan, simpanan dan perhubungan kekal sebagai penyumbang utama kepada pewujudan guna tenaga.. Sebaliknya sumbangan sektor pertanian, perhutanan dan perikanan kepada jumlah tenaga kerja dijangka terus mengalami arah aliran yang menurun iaitu sumbangannya kepada jumlah guna tenaga yang merosot kepada 16.8% berbanding 18% pada 1996. Sumbangan sektor perlombongan dan kuari kepada

jumlah guna tenaga kekal sebanyak 0.5% disebabkan pertumbuhan sektor kecil petroleum dan gas.

Dalam konteks Rangka rancangan Jangka Panjang Kedua(RRJP2) pula, matlamat guna tenaga penuh yang ingin dicapai pada tahun 2000 (iaitu dengan kadar penggangguran sebanyak 4%), memerlukan negara mewujudkan sebanyak 2.4 juta peluang pekerjaan baru. Sektor perkhidmatan pula dijangka akan memainkan peranan yang penting untuk mencapai matlamat ini. Sektor ini dianggarkan akan mewujudkan 34.3% jumlah peluang pekerjaan baru dalam RRJP. Begitu juga dengan sektor perkilangan, yang diharapkan akan dapat menyediakan 36.1% pekerjaan. Kejatuhan permintaan guna tenaga dalam sektor pertanian berlaku disebabkan wujudnya masalah tanah terbiar dan kejatuhan keluaran. (*lihat lampiran 1*) ( Anwar dan Rajah, 1996)

### **3.0 Dimensi Pembangunan Nasional**

Dimensi pembangunan negara pasca merdeka dan pasca industri pernah dinyatakan oleh Y.A. B Dato' Seri Dr. Mahathir B. Mohamad, pada 28 Februari 1991 sempena persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur dan antara lain beliau menegaskan;

*“Dimensi pembangunan Malaysia sejak merdeka bukanlah berkiblatkan ekonomi “per se”. Malaysia tidak harus dibangunkan dalam bidang ekonomi sahaja. Ia mesti menjadi negara yang maju sepenuhnya dalam semua bidang: ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan kebudayaan. Kita mesti maju dalam erti kata ekonomi kita, dalam erti kata keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah bangsa dan keyakinan”*

### **3.1 Peruntukan Dana dan Peranan Kerajaan dalam Pendidikan & Latihan**

Peruntukan dana dan kewangan dalam bidang pendidikan umumnya mengalami peningkatan. Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi pendidikan dan latihan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RME) dan Ketujuh (RMT) berjumlah RM10.1 billion atau 15.4% daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor awam berbanding dengan 13% dalam tempoh RME. Daripada jumlah peruntukan sektor pendidikan sebanyak RM1,666.6 billion diperuntukkan kepada pendidikan bukan formal. Sebanyak RM1,303.3 billion diperuntukkan kepada latihan industri; sejumlah RM66.3 juta kepada latihan perniagaan manakala latihan pengurusan sebanyak RM292.0 juta. Di bawah peruntukan bagi program latihan, RM1.3 billion atau 78.4% akan disediakan untuk menuahkan institusi latihan kemahiran yang baru serta mempertingkatkan dan mengembangkan institusi sedia ada. Peruntukan latihan kemahiran yang merupakan sekali ganda berbanding dengan rancangan yang lalu adalah selaras dengan strategi latihan peringkat kebangsaan untuk menambah pengeluaran tenaga manusia yang terlatih terutamanya pada peringkat tinggi dan dalam bidang kemahiran yang baru.

Selain itu, dengan penukaran SMV kepada SMT (dlm RM 7), jumlah pengambilan latihan kemahiran akan hanya bertambah sebanyak 6.1%. Bagi menyediakan peluang latihan asas kepada penuntut tercicir dan yang rendah pencapaian, peruntukan berjumlah RM409 juta akan disediakan bagi membina 72

Pusat Giat MARA tambahan, enam Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan lima Institut latihan Perindustrian. Menjelang hujung tempoh RM 7, sejumlah 200,000 pekerja mahir dijangka dikeluarkan oleh kesemua institusi latihan kemahiran awam.

Latihan kemahiran melalui program tajaan akan diperkuuhkan lagi. Bagi tujuan ini, usahasama di antara institusi latihan awam dan entiti utama yang telah diswastakan seperti TNB dan TMMB akan digalakkan. Institusi pendidikan tinggi tempatan yang menawarkan kursus-kursus teknikal seperti UTM, ITM dan KTAR juga digalakkan untuk mengadakan usahasama dengan institusi latihan kemahiran awam dalam menjalankan program latihan kemahiran.

Usaha memperkenalkan pentingnya kemahiran teknikal akan terus di laksana bagi menambahkan kesedaran orang ramai mengenai latihan kemahiran dan untuk menarik lepasan sekolah menyertai program latihan kemahiran. Program promosi yang bersesuaian seperti kempen awam, pengiklanan, pertunjukkan bergerak dan pameran diatur secara besar-besaran untuk menarik calon yang berpotensi, termasuk mereka yang menunjukkan prestasi yang baik dalam peperiksaan SPM. Dalam hal ini, satu program ‘perantisan baru’ akan dijalankan bagi membolehkan lepasan sekolah pada peringkat SPM ditempatkan di industri sementara menunggu keputusan SPM. Program jangka pendek bagi membiasakan diri tersebut akan memberi manfaat kepada pelatih dan juga majikan kerana calon yang sesuai boleh ditawarkan pekerjaan dan latihan lanjutan.

### **3.2 PBF dan Kepentingan Sosialisasi Politik dan Ekonomi**

PBF turut memainkan peranan penting dalam proses pemasyarakatan politik dan ekonomi.

#### **3.2.1 Agen Pemasyarakatan Politik**

Subtajuk di atas bukanlah berbau *racist* dan *chauvinist*: melainkan sebagai ajang atau medan mengukuhkan *esprit de corps* yang meliputi kelas, kaum dan wilayah. Nilai-nilai berkerjasama, bantu membantu, semangat patriotisme dan nasionalisme harus disematkan ke dalam setiap warga negara. Hal ini penting dalam mewujudkan sebuah ‘nation state’ yang bersatu dan harmoni. Menurut Colletta dan Holsinger(1982);

*“A further aspect of nonformal education that is often overlooked is its potential use for the political socialization outside, beyond, or supplementary to the school. In particular, where schooling cannot reach large section of the school-age population and effectively co-opt the students energies for the state, nonformal schooling in the form of youth service programs may be used to meet this ideological objective. National scouting movements, young pioneers, volunteer schemes and other such service oriented programs, as Paulston states, “have frequently been used to ‘cool down’ aspirations for formal schooling, to remove youth from the labor market, and to co-opt peer groups and enable adult making agencies to influence the youth culture.”*

Pada hemat saya, pendidikan bukan formal boleh memberikan impak besar sebagai agen pemasyarakatan politik dan penyerapan nilai kewarganegaraan. Memandangkan pendidikan umumnya bersifat ‘sepanjang hayat’ maka PBF seharusnya mengambil alih usaha ini daripada pendidikan formal yang dikendalikan

selama lebih kurang 11 tahun itu. Hal ini selaras dengan Laporan kabinet 1979 dlm ( Ibrahim,1992) menyatakan;

*“...untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih”*

Masalahnya hari ini ialah tidak ada satu usaha yang betul-betul boleh di anggap sebagai gerakan nasional untuk menanam sifat disiplin dan bermotivasi di kalangan orang dewasa. Jadi, PBF hari ini haruslah mementingkan penyaluran sikap, sifat dan nilai yang sejajar dengan cita-cita dan kehendak negara. Penyampaian pengetahuan dan kemahiran harus diiringi dengan nilai, sikap dan sifat-sifat berdisiplin dan bermotivasi kerana pengetahuan dan kemahiran sahaja tanpa motivasi tidak akan menggalakkan tenaga kerja yang produktif ke arah penambahan pengeluaran. Dengan perkataan lain, PBF yang diberikan oleh mana-mana institusi dan agensi haruslah mempunyai orientasi yang serupa dengan pendidikan formal, iaitu orientasi yang menekankan nilai berdisiplin, bermoral dan bermotivasi. Dengan itu, akan timbulah satu gerakan nasional untuk mencapai sesuatu matlamat.

### **3.2.2 Kesejagatan Ekonomi**

Kesejagatan ekonomi memaikan peranan penting dalam sebuah negara berbilang kaum seperti Malaysia. Tragedi berdarah 13 mei 1969, telah banyak mengajar kita erti kewarasan dan pembangunan. Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan oleh kerajaan selepas trajedi itu sebagai mekanisme *social engineering* yang dapat memulihkan ketidakseimbangan pembangunan khususnya ekonomi. Walaupun kerajaan telah menetapkan bahawa masyarakat melayu haruslah memegang sebanyak 30%kekayaan negara ini namun matlamat itu sehingga kini masih belum menjadi kenyataan. Pelan tindakan kedua menyusul dengan nama baru iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Perpaduan negara mempunyai beberapa segi. Kejayaannya memerlukan sokongan daripada semua pihak dan peringkat masyarakat Malaysia. Faktor-faktor sosial dan kebudayaan, politik dan ekonomi, pihak awam dan swasta, perasaan dan psikologi, semuanya memainkan peranan masing-masing dan semua faktor-faktor ini berkaitan antara satu sama lain. Perpaduan negara tidak akan dapat dicapai tanpa persamaan dan perseimbangan yang lebih memuaskan di antara kumpulan-kumpulan masyarakat. Penyertaan mereka di dalam pembangunan negara adalah untuk membolehkan sama-sama menikmati faedah daripada pembaharuan dan kemajuan ekonomi. Perpaduan negara tidak dapat dipupuk sekiranya sebahagian besar daripada penduduk masih miskin dan peluang-peluang pekerjaan tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak-kehendak tenaga buruh yang sentiasa bertambah. Kekeliruan tidak seharusnya timbul yang perpaduan negara boleh dicapai hanya dengan cara-cara ekonomi. Sebaliknya pembasmian dan penyusunan semula masyarakat serta ekonomi adalah syarat-syarat perlu bagi perpaduan negara. Memetik Colletta dan Holsinger (1982) menyatakan;

*“...nonformal education could be used as a mechanism for increasing opportunity to the poor and the dispossessed, thus challenging elitism inherent in a socioeconomic inheritance supported by a narrowly defined*

*formal school based system. Nonformal education has been proposed as an outflanking maneuver in support of social reconstructio”.*

### **3.3 Pembaharuan Kurikulum dan Jenis Program**

Pendidikan yang maju akan melahirkan sumber tenaga manusia yang berilmu dan berketrampilan. Ini akan memberikan kekuatan saingan dalam arena ekonomi antarabangsa kepada negara dan lebih penting atau kritikal daripada faktor modal dan tanah. Namun begitu, sebelum mencapai tahap sumber tenaga manusia yang produktif, cemerlang dan dinamik input, pengisian dan kurikulum yang diberikan haruslah bersifat *avant garde* dan terbaik. Hal ini penting kerana corak dan pola kurikulum dan latihan yang berupaya membentuk acuan sepertimana yang dikehendaki. Dengan lain perkataan, reformasi harus dilakukan dari masa ke semasa; selain harus dibuat penilaian yang bersesuaian berkenaan input (kursus), pengajaran dan pembelajaran dan segalahal yang meliputi pengurusan dan pentadbiran keseluruhan sistem PBF tersebut.

Dewasa ini, kekurangan input atau isu kandungan kursus begitu ketara mengikut bidang. Bidang kemahiran yang wujud sekarang sudah ketinggalan masa. Malah ia kurang sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi masa kini. Apa yang berlaku pelajar dan pelatih akan terkebelakang dalam bidang dan disiplin yang disertai PBF memerlukan input dan *program type* yang baru dalam bidang-bidang seperti;

- (i) Mikroelektronik
- (ii) kejuruteraan Biokimia
- (iii) Pemerosesan isyarat
- (iv) Pengurusan sisa pepejal
- (v) *Misile dan popellent*
- (vi) Angkasa raya dan perhubungan
- (vii) *Advance dynamics dan vibration*
- (viii) *Advance materials*
- (ix) Peralatan sistem kawalan
- (x) Teknousahawan
- (xi) Francais
- (xii) Teknologi maklumat dan lain-lain.

Antara kekangan lain dalam hal ini, menurut Chek Mat (1996) adalah penggunaan kemudahan latihan tidak diuruskan secara profesional. Hal ini demikian kerana masalah kekurangan tenaga pengajar terlatih, kelewatan penghantaran peralatan latihan, kursus yang lapuk dan kekurangan kemasukan pelatih yang sesuai. Selain itu terencatnya usaha-usaha khidmat pengembangan menyebabkan institusi latihan TVET tidak dapat menambah kapasiti kumpulan sasaran, kaedah latihan, kemudahan asrama dan latihan dua syif. kepakarannya secara bertahap.

### **3.4 Penggunaan Sumber-sumber Fizikal dan Non-fizikal**

Pendidikan non-formal dalam hubungan ini dilihat sebagai jambatan yang menghubungkan keperluan masyarakat dengan sistem pengeluaran yang cekap dan

berkesan. Hal ini digambarkan oleh Colletta dan Holsinger (1982) dengan menyatakan;

*“The problem is to bridge the gap between training and employment, learning and production (contribution), so that wastage of human energies and natural resources is minimized. In short, the challenge becomes one of how to make capital-intensive educational activities more productive and labor intensive productive activities more educational - that is, how to match human resource development with a changing opportunity structure, to market demands, through a transmission network that links production with training.”*

Sumber-sumber fizikal dan non-fizikal termasuklah segala bentuk hasil bumi negara seperti minyak, getah, kelapa sawit dan aspek non-fizikal seperti nilai, sikap, pemikiran dan aspirasi masyarakat yang berdaya maju. Dato seri Dr. Mahathir Mohamad (1991);

*“ Daripada pengalaman dua dekad lauu berhubung dengan keajaiban ekonomi di negara yang miskin dari segi ‘sumber semulajadi’, adalah jelas sumber utama mana-mana negara ialah bakat, kemahiran, kepakaran, kekreatifan dan semangat rakyat. Apa yang kita ada dalam kepala kita, pada tulang empat kerat dan dalam hati kita adalah lebih pentig daripada apa yang kita ada di bawah tapak kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita merupakan sumber paling utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada 1990- an dan selepas itu, Malaysia mesti memberi penekanan sepenuh mungkin kepada pembangunan sumber utama ini - non fizikal”*

### **3.5 Kerjasama & Perkongsian Bijak (Smart Partnership)**

Dalam tempoh RME, program pendidikan dan latihan kemahiran telah diperkembangkan dan diperbaiki. Program ini telah menyumbang kepada pertumbuhan dan produktiviti, terutamanya dalam sektor industri dan perkhidmatan. Selain daripada program sektor awam, penyertaan sektor swasta dalam mengeluarkan pekerja mahir bagi memenuhi permintaan pasaran telah meningkat.(Laporan RMT, 1997)

Namun begitu, sebelum daripada Rancangan Malaysia ke-7, idea-idea membina institusi TVET yang baru dan sistem aperantis Malaysia tidak menjadi kenyataan. Ketiga-tiga konsep Industri, Institusi dan Interaksi dengan pihak swasta belum berkembang secara revolusi. Pihak swasta hanya memberikan khidmat kepakarannya secara bertahap. Dengan itu, kebanyakan institusi pendidikan non-formal khususnya institusi TVET awam bergerak agak lembab (Chek Mat, 1996).

RMT akan terus memberi keutamaan kepada usaha menambahkan kemudahan, meningkatkan kebolehan mendapatkan pendidikan dan latihan dan memperbaiki mutu. Program pendidikan dan latihan dijangka mengeluarkan bukan sahaja tenaga manusia yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi dan literasi komputer tetapi juga dipupuk dengan disiplin, nilai moral yang tinggi dan etika kerja yang baik. Dalam kesemua usaha ini, pihak swasta akan menjadi rakan yang aktif dalam membantu usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan.

Bagi memenuhi matlamat di atas institusi pendidikan bukan formal dengan kerjasama pihak swasta telah memulakan kursus pendek menerusi program *Time Sector Privatisation*. Antara pihak swasta yang terbabit termasuklah Shell, Hyundai, Petronas, Matsushita dan PKENJ.(Mohd. Fuad, 1997)

#### **4.0 PBF: Modenisasi dan Pembangunan Sosioekonomi**

PBF sepertimana lampiran satu, bermatlamatkan kepada usaha memodenisasi dan membangunkan sosioekonomi masyarakat (bandar atau luar bandar) tanpa mengira garis wilayah, agama dan kaum kepada perubahan-perubahan masa depan. Umumnya berdasarkan lampiran 1 tersebut, pendidikan non-formal menggagaskan antara lain;

- (i) Perubahan nilai, sikap dan pemikiran individu untuk mencapai taraf hidup yang lebih bermutu, moden dan sistematik.
- (ii) Peningkatan taraf kemudahan dan perkhidmatan sosial seperti perkhidmatan kesihatan, pengangkutan dan perhubungan agar keadaan persekitaran dan keadaan hidup masyarakat menggambarkan ciri-ciri masyarakat ‘madani’.
- (iii) Peningkatan produktiviti dalam kegiatan ekonomi agar pendapatan perkapita meningkat melepas paras pertengahan (middle income level).
- (iv) Isalnya, produktiviti bidang pertanian dapat dipertingkatkan melalui amalan pertanian komersial intensif yang memaksimumkan penggunaan sumber tanah dengan menggunakan teknik pertanian moden dan kaedah pemasaran berorientasikan eksport.

Sehubungan dengan huraian di atas, pembangunan masyarakat bukan sahaja tertumpu kepada aspek pembangunan sosioekonomi sahaja malahan meliputi aspek psikiologi. Aspek psikologi merupakan aspek yang lebih utama dan penting dibangunkan terlebih dahulu sebelum pembangunan sosioekonomi boleh berlaku. Pemikiran, sikap dan nilai masyarakat perlu diubah daripada keadaan negatif menjadi positif agar modenisasi dan perubahan pembangunan positif berlaku dengan mudah. Di sinilah pendidikan non-formal memainkan peranan penting dalam proses perubahan pemikiran, sikap, nilai masyarakat. Dengan itu, modenisasi dan pembangunan yang menyeluruh meliputi aspek psiko-sosioekonomi. Hal ini digambarkan oleh Inkeles dan Smith (1982) dlm Figerlind dan Saha (1982, 95) sebagai berikut;

*“...modernization is essentially a social psychology process through which country becomes modern only after its population has adopted modern attitudes, values and beliefs”*

#### **4.1 Kendala Pendidikan Bukan Formal Di Malaysia**

Apabila pihak Kementerian Pendidikan menggariskan matlamat-matlamat ini, kita rasakan pihak mereka hanya memikirkan sebilangan kecil dari pada program-program PBF. Daripada *lampiran 1* kita dapat;

- (i) Kebanyakan PBF itu bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan dan memberi latihan dalam sesuatu kemahiran yang bersifat khusus. Ini membawa maksud, pendidikan pada tahap ini kurang menekankan elemen-elemen emosi

- dan rohani dalam kurikulum pengajaran. Jika adapun ia tidaklah begitu merata dan bersifat terpisah (fragmented).
- (ii) Program-program PBF tidak bersifat bersepada (integrated), penekanan lebih kepada bidang teknikal dan vokasional. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor tanggapan dan usaha yang dijalankan demi mencapai matlamat ‘melahirkan pekerja mahir’ daripada ‘pekerja berilmu dan beriman’. Paling penting, program-program yang dibangunkan mestilah menjurus untuk melahirkan warganegara yang terdidik (educated) dari segi ilmu dan etika.
  - (iii) Boleh dikatakan hampir keseluruhan daripada kurikulum PBF tidak terdapat elemen-elemen penerapan nilai. Dengan kata lain, kurikulum yang dirancang dan dilaksanakan lebih kepada usaha menghasilkan ‘tenaga kerja’ yang bersifat produktif dan inovatif. Hal ini mungkin disebabkan beberapa faktor seperti kekangan kos masa, tenaga pengajar, pengawasan dan perhatian daripada pihak berwajib, faktor pendidikan dan latar belakang pelajar dan sebagainya.
  - (iv) PBF kekurangan fasilitator dan pengajar yang terlatih dan berpengalaman. Kajian yang dijalankan oleh Mazanah dan rakan-rakan (1999) mendapati hanya 24.1% sahaja daripada pengajar sektor kerajaan dan swasta yang memiliki Ph.D. Ini merupakan satu jumlah yang masih rendah berbanding dengan negara-negara maju. Selain itu, beberapa masalah yang melibatkan pengendali program (providers) seperti (Mazanah, 1999);
    - a. Kurangnya kerjasama peserta
    - b. Tidak cukup budget
    - c. Pelatih yang tidak berpengalaman
    - d. Tidak memiliki pusat latihan yang baik
    - e. Peralatan latihan dan pembelajaran yang agak usang
    - f. Masalah komunikasi
    - g. Masa latihan dan pembelajaran yang kurang
    - h. Peserta kurang berminat
    - i. Disiplin peserta
    - j. Latihan yang tidak efektif dan sebagainya
  - (v)

PBF berbentuk tempatan iaitu khusus bagi sesuatu golongan atau tempat iaitu khusus bagi sesuatu golongan atau tempat dan terhadap sesuatu kandungan. Tidak terdapat yang berbentuk nasional, iaitu untuk sesuatu golongan tertentu sahaja. Kebanyakan PBF khususnya yang dikendalikan oleh badan bukan kerajaan (NGO) tidak bersifat nasional dan berbau tempatan. Oleh kerana tidak terdapat pengawasan oleh pihak berwajib khususnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, maka kebanyakan program yang dijalankan oleh mereka ini adalah;

- (i) Tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai medium pengajaran dan komunikasi. Kebanyakan mereka lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris dan adakalanya mereka menggunakan bahasa Mandarin sebagai medium komunikasi dalam sesuatu program/kursus yang dijalankan.
- (ii) Mereka tidak menggunakan PBF ini sebagai agen pemasyarakatan. Ini bermaksud mereka tidak cuba menyuntik pelbagai nilai kehidupan, khususnya berhubungan dengan masyarakat.
- (iii) Selain itu, kebanyakan PBF ini bersifat mendatar. Tumpuan lebih diberikan kepada menjalin hubungan yang simbiotik antara manusia dengan manusia

- dan manusia dengan alam sahaja. Manakala jalinan hubungan secara menegak iaitu dengan Allah s.w.t tidak diberi perhatian dan tumpuan. Jika adapun ia sekadar berbentuk ‘ritual’ dan untuk memenuhi slot sesuatu jenis pendidikan yang dianjurkan.
- (iv) Perbezaan yang amat ketara daripada segi superstruktur dan infrastruktur. Hal ini kerana banyak institusi yang mempunyai program pendidikan non-formal, matlat dan orientasinya berbeza antara satu sama lain

Jelaslah bahawa, falsafah, objektif, matlamat dan orientasi pendidikan non-formal lebih bersifatkan dunia dan keduniaan. Apa yang lebih malang lagi sebahagian besar corak PBF ini bertujuan untuk melahirkan seberapa ramai apa yang dikenali sebagai *economic man*, *hi-tech man* dan pelbagai istilah yang membawa konotasi yang bersifat komersial semata-mata. Maka, apa yang berlaku setakat ini jelas memperlihatkan dalam mana-mana situasi masyarakat lebih terdorong untuk berfikir, bertindak dan merasa puas dengan status-quo, jawatan, gaji, kuasa yang mana kesemua ini adalah natijah daripada superstruktur dan infrastruktur pendidikan non-formal yang boleh diistilahkan sebagai ‘menyeleweng’ dan sekaligus ‘tergelincir’ daripada falsafah pendidikan negara.

Pada hemat kami, hal ini disebabkan oleh tiadanya pemantauan dan kawal selia daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam yang berhubung dengan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan superstruktur dan infrastruktur PBF. Mungkinkah ‘kesibukan’ dalam mengurus, mentadbir dan membangunkan sistem pendidikan formal hinggakan terlupa hal-hal yang tidak kurang pentingnya seperti PBF. Adalah malang jika kita berfikiran sempit dan simplistik dengan hanya meletakkan pendidikan formal sebagai ‘batu tanda’ mencapai pendidikan bertaraf dunia dan bersifat sejagat. Lupakah kita bahawa komponen pendidikan itu, masih ada dua iaitu informal dan non-formal. Apakah kerana istilahnya yang bersifat picisan itu selayaknya kita meletakkannya pada hiraerki yang ‘tercorot’.

Justeru itu pada kami, antara pendidikan formal, informal dan non-formal adalah komponen yang tidak harus disegmentasikan ataupun dicebis-cebiskan mengikut keperluan dan kehendak semasa. Langkah yang proaktif dan praktik harus dimabil sekirannya kita ingin melihat masyarakat dididik dan terdidik dalam manguk pijar yang sama iaitu sepertimana mendukung hasrat falsafah pendidikan yang dianggap ‘keramat’ yang jika diperhalusi, diyakini dan dihayati maka masyarakat malaysia bukan hanya memperoleh pendidikan bertaraf dunia malah ia telah menyediakan ruang dan peluang yang lebih besar untuk keperluan di akhirat kelak.

## 5.0 PBF dan wawasan 2020: Harapan dan cabaran

Wawasan 2020 merupakan *blue print* negara ke arah sebuah negara ‘maya’ beridentitikan nilai, norma dan falsafah *nation state* yang mempunyai idealisme berasaskan ‘acuan sendiri’. Sejak mula digagaskan pada 28 Februari 1991, kini telah 6 tahun berlalu. Sejak itu, daripada pemimpin politik hingga kepada pelajar dan suri rumah dibayangi dan ditanggapi dengan wawasan kemajuan ini. Masa semakin berlalu pergi, kita telahpun berada di ambang alaf baru yang ditandai dengan berbagai situasi dan polemik masa depan. Persaingan dalam semua bidang diramalkan semakin sengit khususnya dalam bidang ekonomi dan teknologi. Nilai, norma, kepercayaan dan agama menjadi semakin parah dalam zaman *digital society* ini.

Buat pertama kalinya dalam sejarah sebuah negara bangsa yang membangun seperti Malaysia menggagaskan Pelan Tindakan jangka panjang untuk menjadi

sebuah negara maju berasaskan ‘acuan sendiri’. Pelan tindakan ini digagaskan pada akhir Februari 1991. Memetik ucapan perdana menteri sebagai berkata;

*“Tidak akan wujud Malaysia yang maju sepenuhnya sehingga kita akhirnya dapat mengatasi sembilan cabaran strategi yang kita hadapi sejak kelahiran kita sebagai sebuah negara merdeka”*

Kesembilan-sebilan cabaran yang diutarakan oleh Y.A.B Perdana Menteri itu bolehlah disimpulkan dalam konteks falsafah, pemikiran dan amalan pendidikan bukan formal masa depan sepertimana berikut;

### 9.1 Cabaran psikoekonomi (setempat dan global) sepertimana cabaran berikut;

- a. Cabaran 7
- b. Cabaran 8

Antara matlamat psiko-sosio ekonomi (setempat dan global) termasuklah;

- (i) Ekonomi yang pelbagai dan seimbang dengan sektor perindustrian yang matang dan luas asasnya, sektor pertanian yang matang dan maju dan sektor perkhidmatan yang berkesan, produktif serta matang;
- (ii) Ekonomi yang cepat bertindak, pantas menyesuaikan diri terhadap perubahan pola penawaran, permintaan dan persaingan;
- (iii) Ekonomi yang mempunyai teknologi cekap, mampu sepenuhnya disesuaikan, diubah suai dan cipta, ekonomi yang semakin berpusatkan pada teknologi, bergerak ke arah aras teknologi yang semakin tinggi;
- (iv) Ekonomi yang mempunyai hubungan perindustrian yang kukuh dan saling berkaitan dengan keseluruhan sistem;
- (v) Ekonomi yang digerakkan oleh kuasa pemikiran, kemahiran dan ketekunan dalam menguasai kekayaan maklumat, dengan pengetahuan mengenai apa yang perlu dilakukan dan bagaimana melakukannya;
- (vi) Ekonomi yang mempunyai daya pengeluaran tinggi dan terus meningkat dalam hubungannya dengan semua faktor pengeluaran;
- (vii) Ekonomi keusahawan yang berdikari, berpandangan luas, bersifat cergas dan berdaya maju;
- (viii) Ekonomi yang dikekalkan dengan etika kerja contoh, kesedaran terhadap mutu dan usaha ke arah kecemerlangan;
- (ix) ekonomi yang ditentukan sifatnya dengan kadar inflasi dan kos sara hidup yang rendah;
- (x) Ekonomi yang dikuasai oleh disiplin dan kawalan ketat kuasa pasaran dan;
- (xi) Ekonomi yang adil, seimbang dan merata pada semua kaum.

### 1.2 Cabaran keilmuan, penggunaan dan kepakaran teknologi; sepertimana cabaran

- a. Cabaran 6

Antara matlamat dalam cabaran ini adalah;

- (i) Menyediakan sistem pendidikan yang terbaik untuk generasi kedua serta tahap dan piawaian baru perlu ditetapkan dan hasil baru perlu dicapai;
- (ii) Mencapai taraf paling tinggi dari segi kemahiran rakyat, dalam hal tumpuan mereka kepada pengetahuan dan peningkatan ilmu serta usaha memperbaiki diri, dalam hal kecekapan berbahasa, dari segi sikap kerja dan disiplin, dari segi kebolehan pengurusan, motivasi pencapaian, sikap terhadap kecemerlangan dan dari segi mewujudkan semangat keusahawanan;
- (iii) Memanfaatkan R&D dan boleh dipasarkan;
- (iv) Setiap usaha mesti dilaksanakan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang bermaklumat

**5.3 Cabaran pemupukan dan penghayatan agama(psiko-religio) dan budaya setempat,** sepertimana cabaran-cabaran berikut;

- a. Cabaran 1
- b. Cabaran 2
- c. Cabaran 3
- d. Cabaran 4
- e. Cabaran 5

Matlamat yang bakal dihadapi oleh PBF adalah;

- (i) Malaysia menjadi negara yang bersatu, dengan masyarakat malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat yang demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya terhadap ekonomi yang bersaing, dinamik, cergas dan kental.

## **6.0 PBF: Perspektif Pendidikan Masa Depan**

Gambaran dunia masa depan seperti '*boderless world*', '*information age*', '*global Village*' dan entah apa lagi memberikan dampak dan isyarat “persaingan dan konfrontasi” dalam pelbagai bidang dan disiplin. Dunia semakin kecil dan sempit dengan *Information Technology*. Yang nyata, alaf baru adalah alaf angkasa. Ini bermakna “*siapa yang kuat dialah yang kudrat*”. Masa depan menurut Peter F. Drucker harus ditanggapi dengan pelbagai perubahan dan realiti baru. Untuk itu menurutnya manusia harus mempersiap dan mempercikaskan diri dengan pelbagai disiplin ilmu yang baru dan canggih. Pendidikan menurutnya tidak lagi bersifat ekadisiplin namun ia jauh merentasi pelbagai disiplin ilmu dan pendidikan formal. Menurut Zaini (1997):

*“...sebagai contoh, akauntan dan doktor perubatan juga perlu mahir menggunakan komputer dan jaringannya. Begitu juga dengan golongan profesional dan separa profesional lainnya.. dan, untuk bersedia mempelajari pelbagai ilmu dan kemahiran baru, kita perlu menguasai kaedah belajar... Dalam bahasa latin wujud frasa ‘Non schola sed vita discimus’, maknanya kita belajar bukan untuk sekolah tetapi untuk kehidupan.”*

Dengan kata lain, kita belajar untuk memajukan diri dalam pelbagai bidang kehidupan.

Misalnya hari ini kita belajar bidang teknologi maklumat sebagai satu bidang penting untuk mendapatkan maklumat dan berkomunikasi. Barangkali lima tahun lagi, bidang tersebut tidak lagi luar biasa dan kita perlu belajar bidang lain pula yang jauh lebih canggih. Dan inilah yang menjadi aspirasi di kalangan golongan cendekiawan sehingga tercetusnya konsep-konsep besar seperti *learning society* dan *learning organisation*. Menurut Cohen dan Kneller (1977), dlm Fagerlind dan Saha(1982) menyatakan bahawa;

*“...changes in society always precede changes in the educational systems”*

Sehubungan itu, pada hemat saya pelbagai agensi, pertubuhan sukarela, institusi dan badan-badan bukan kerajaan(NGO) harus segera melakukan reformasi sesuai dengan kehendak dan aspirasi negara. Zaman yang cepat berubah harus dilihat dalam perspektif yang sihat dan proaktif. Hal ini kerana, sebarang perubahan yang berlaku dalam banyak sistem kehidupan masyarakat akan berkadar terus dengan sistem pendidikan itu sendiri. Era ledakan teknologi maklumat dan *digital economy* ini turut memberi impak kepada kelangsungan, sumbangsan dan peranan sistem pendidikan bukan formal. Tegasnya PBF dilihat semakin penting dan perlu dalam zaman yang begitu cepat berubah. Apa yang perlu adalah sebarang perubahan yang berlaku di luar harus cepat dihidu dan direncanakan pelan tindakan yang teratur. Hal yang lebih penting lagi adalah kejayaan pendidikan bukan formal bukan sekadar terletak pada institusi dan agensi.

## 9.0 Kesimpulan

Dalam usaha membentuk apa juu masyarakat, institusi pendidikan dianggap mempunyai peranan yang penting. Kadang-kadang masyarakat terlalu sangat menyerahkan takdirnya kepada sekolah, seolah-olah sekolah dapat menyelesaikan segala kepincangan yang ada. Mungkin juga dari segi kognitif atau ilmu pengetahuan sekolah formal mempunyai peranan yang penting tetapi dari segi pembinaan sikap, tingkahlaku dan nilai, peranan yang dimainkan oleh sekolah bergantung kepada sokongan daripada institusi-institusi atau agensi-agensi lain dalam masyarakat seperti keluarga, media massa, pertubuhan dan lain-lain. Masalah hari ini ialah institusi-institusi lain kadang-kadang tidak memainkan peranan yang sepatutnya. Oleh itu, ia tidak memperkuuhkan usaha sekolah, malahan kadangkala merupakan institusi yang kontra kepada usaha sekolah. Kita tidak dapat menyalahkan ahli-ahli institusi tersebut sebab mereka sendiri tidak mengetahui nilai, sikap dan norma bagaimakah yang sedang disalurkan di sekolah. Di sinilah peranan besar harus dimainkan oleh PBF.

PBF, walau apa corak atau jenisnya, haruslah menjadi institusi yang menyokong usaha sekolah tadi. Peranannya ialah memberi latihan kepada mereka yang amat memerlukan bagi masa depan dan *survival* hari muka , khususnya bagi mereka yang tidak terlibat dalam sekolah atau pendidikan formal secara langsung. Jika PBF dapat menyalurkan nilai, sikap dan norma yang serupa dengan yang diberikan oleh sekolah atau mungkin lebih baik lagi, maka proses pemasyarakatan ke arah mencapai matlamat dan wawasan 2020 lebih praktikal dan relevan.

## BIBLIOGRAFI

- AL-QURAN. Jabatan Perdana Menteri. 1996. **Al-Quran dan Tafsirnya**. Johor Bahru: Jabatan Agama Islam.
- Al-Ghazali. 1979. **Bimbangan Mukmin**. (Terjemahan oleh Dhmat Semait, Syed). Singapura: Pustaka Nasional.
- Alan B. Knox (1986). **Helping Adults Learn**. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Anuar Ali dan Rajah Rasiah. 1996. **Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi Di Malaysia**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson. L dan Windham. D. ed.(1982). **Education and Development**. Massachusetts: Lexington Books Press.
- Chamhuri Siwar (1979). **Pembangunan dan Masalah Ekonomi: Jilid 2**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Colletta N.J dan Holsinger D.B (1982). **Assessing the Impact of Nonformal Education on Development Goals**. Massachussets: Lexington Books Press.
- Fagerlind. I dan Saha L.J(1983). **Education and National development: A Comparative Perspective**. Oxford: Pergamon Press.
- Haron Din, Profesor, Dr. 1992. **Tassawur Islam**. Kuala Lumpur: Pustaka Hizbi.
- Ibrahim Saad(1992). **Perubahan Pendidikan Di Malaysia: Satu Cabaran**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John Simmons. Ed.(1980). **The Education Dilema: Policy Issues for Developing Countries in the 1980s**. Oxford: Pergamon Press.
- Mazanah et al (ed.) (1999). **Trends & Challenges in Adult and Contunuing Education in Malaysia**. Serdang. Penerbit UPM.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid, Paimah Atoma dan Muhammed Fauzi Othman (2001). “Pembelajaran Dewasa dalam Konteks K-Ekonomi: Cabaran dan Harapan Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia” dalam Pascasidang, Seminar Kebangsaan Pembangunan Sumber Manusia Dalam Era K-Ekonomi, di Fakulti Ekonomi, UKM, Bangi., Pada 16-17 Oktober 2001.
- Rogers, Alan (1986). **Teaching Adults**. Stratford: Open University Press.
- Rosenthal, A. (1992). **Keagungan Ilmu**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean B. Mohamad dan Abd. Rahim Rashid. (1988). **Sejarah Pendidikan Negara: 1900 - kini**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sharan B. Merriam dan Rosemary S. Caffarella (1991). **Learning In Adulthood**. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Tight, Malcolm (1996). **Key Concepts in Adult Education and Training**. London: Routledge.

## **MAJALAH**

Abd. Razak Omar. 1996. "Dari Pemikiran Responsif ke Futuristik". dlm *MASSA*, Disember. M/s 53.

Alias B. A. 1996. "Belanjawan dan Kekurangan Sumber Manusia". dlm *MASSA*, November. M/s 54 -55.

Chek Mat. 1996. "Masalah Pendidikan Teknik dan Vokasional". dlm *Dewan Masyarakat*, Februari. M/s 15 - 16.

Muhd. Izhar Abu Samah. 1997. "Buruh Kanak-Kanak: Mengapa di Biarkan?" dlm *MASSA*, mac. m/s 26.

Rahim Abd. Rashid. 1997. "Harapan dan Survival Pelajar Lemah". dlm *MASSA*, Mac. m/s 45

\_\_\_\_\_. 1997. "Menangani Ketandusan Pakar Sains dan Teknologi". dlm *MASSA*, Februari m/s 44.

Said Ismail. 1996. "Membendung Tenaga Kerja Asing". dlm *MASSA*, Mei. M/s 77.

Shamsudin Othman. 1993. "Pendidikan Ke Arah Masyarakat Berfikir". dlm *Dewan Masyarakat*, Oktober. M/s 20.

Zulkifli Salleh. 1996. "Ilmu: Kuasa Penggerak Ekonomi". dlm *Dewan Masyarakat*, Disember. M/s 14 - 15.

## **AKHBAR**

Muhd. Fuad Razali. 1997. " Pendidikan Teras Wawasan 2020". dlm *Berita Harian*, 14 Januari. m/s 7.

## **LAPORAN**

Malaysia. 1997. Rancangan Malaysia Ke 7. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara

## **LAMPIRAN 1**

Agensi-agensi dan program PBF di Malaysia

## **1. KERAJAAN**

- 1.1 Kementerian Pertanian (Perkembangan Pertanian, bahagian Veterinar dan Bahagian Perikanan)
- 1.2 Kementerian Pertahanan
- 1.3 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan hal Ehwal Pengguna
- 1.4 Kementerian Pendidikan (Bahagian Sekolah - Kelas-kelas lanjutan, pelajaran perdagangan, pelajaran kanak-kanak pekak)
- 1.5 Kementerian Sumber Manusia
- 1.6 Jabatan kebajikan Masyarakat ( pelajaran pemulihan dan kenal huruf)
- 1.7 Kementerian Penerangan (RTM da Jabatan Penerangan)
- 1.8 Jabatan Perdana Menteri (Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Rakyat serta BIRO TATA NEGARA)
- 1.9 Kementerian Dalam Negeri(Jabatan Penjara)
- 1.10 Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Bahagian Perkembangan Masyarakat Pertanian, Bahagian Koperatif dan Maktab Kerjasama)
- 1.11 Kementerian Kesihatan
- 1.12 Kementerian Pembangunan Usahawan
- 1.13 Jabatan Perkhidmatan Awam (INTAN)
- 1.14 Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja
- 1.15 Jabatan Penerangan Malaysia
- 1.16 MAMPU
- 1.17 Jabatan Perangkaan Malaysia
- 1.18 FAMA, MARDI, LPP dan sebagainya

## **2. Badan-Badan Separuh Kerajaan**

- 2.1 MARA
- 2.2 BERNAMA
- 2.3 Unit Pembangunan Tenaga manusia
- 2.4 Jabatan Muzium dan Antikuiti
- 2.5 Pusat Daya Pengeluaran Negara
- 2.6 LKTP
- 2.7 Bank Negara Malaysia
- 2.8 MIDA
- 2.9 Majlis Pembangunan Sumber Manusia
- 2.10 DBP

## **3. Badan-Badan Sukarela**

- 3.1 Pertubuhan Pengakap, Brownies, Pandu Puteri, Kadet, ABIM, JIM dsb

## **4. Agensi Swasta**

- 4.1 Sekolah-sekolah Pos
- 4.2 Sekolah-sekolah swasta
- 4.3 Sekolah swasta perdagangan
- 4.4 *Industrial Training Institute*
- 4.5 Persatuan Tadika Malaysia

## **5. Kesatuan Sekerja**

- 5.1 MTUC
- 5.2 CUEPEC
- 5.3 Workers Institute of Technology
- 5.4 National Union of Plantation Workers

## **6. Persatuan Profesional**

- 6.1 MIM
- 6.2 ISP
- 6.3 Persatuan Perpustakaan Malaysia
- 6.4 UEM
- 6.5 PAM

## **7. Institut Pengajian Tinggi**

- 7.1 Kesemua Universiti dan Kolej Universiti ( Perkembangan pendidikan, kursus-kursus luar kampus dan kursus-kursus tanpa ijazah)

## **8. Institusi-institusi lain**

- 8.1 Pusat latihan KTM
- 8.2 Pusat latihan TELEKOM
- 8.3 National Merchant Marine Academy
- 8.4 Pusat Latihan Jabatan Bomba dan lain-lain lagi

## **9. Komersial dan kewangan**

- 9.1 Hotel-hotel
- 9.2 BSN Comercial bank
- 9.3 HL Life Assurance
- 9.4 Syarikat takaful Malaysia Bhd.
- 9.5 Bank-bank Perdagangan
- 9.6 IJN
- 9.7 Industri Malaysia Bhd.
- 9.8 DHL Worldwide Express Sdn. Bhd.
- 9.9 dan lain lain lagi